

Hipoteks Sejarah Dalam Kumpulan Cerpen *Pembunuh Anarki*
*Historical Hypotext in Jasni Mat Lani's Shortstory *Pembunuh Anarki**

Tuan Rusmawati Raja Hassan
rusmawati.rh@umk.edu.my

Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan

Received: 15 March 2025; Published: 18 June 2025

Cite this article (APA) as:

Usman, R. K., & Wahid, A. (2025). Pengurusan Perancangan Keusahawanan Dalam Novel `Ranjau Sepanjang Jalan` Karya Shahnnon Ahmad. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(1), 33 -45. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/197>

ABSTRAK

Makalah ini menganalisis peranan dan fungsi intertekstualiti dalam *Kumpulan Cerpen Pembunuh Anarki* (2015) karya Jasni Mat Lani, seorang pengarang pascamoden Malaysia yang dikenali dengan gaya penulisan eksperimental dan kritis terhadap struktur naratif konvensional. Hiperteks ini kaya dengan rujukan silang terhadap kisah-kisah sejarah, isu semasa dan keagamaan, termasuk tokoh seperti Nabi Nuh. Pendekatan intertekstual yang digunakan tidak hanya berperanan sebagai alat estetik, tetapi turut berfungsi sebagai instrumen dekonstruktif yang mencabar autoriti wacana dominan, termasuk politik dan sosial. Kajian ini memperlihatkan bagaimana Jasni Mat Lani memanfaatkan fahaman intertekstualiti oleh Julia Kristeva (1980) untuk mencipta ruang naratif yang kabur antara yang sakral dan yang profan, yang logik dan yang tidak masuk akal. Penyaringan tragedi MH370, peperangan Israel-Palestin dan kisah Nabi Nuh dalam konteks yang subversif menimbulkan pertanyaan falsafah yang mendalam tentang identiti, makna dan kebenaran. Di samping itu, makalah ini juga menelusuri latar diri pengarang, termasuk pendidikan dan pengalaman peribadinya, yang secara signifikan membentuk dunia imaginatif dalam karyanya. Latar pendidikan Jasni Mat Lani dalam bidang falsafah dan kecenderungan terhadap wacana radikal memperkukuh gaya penulisan yang mengganggu naratif arus perdana. Secara keseluruhan, makalah ini membuktikan bahawa intertekstualiti dalam *Pembunuh Anarki* bukan hanya bentuk permainan teks, tetapi satu strategi intelektual yang memperkasa penulis dalam membongkar dan menstruktur semula makna. Karya ini wajar dilihat sebagai teks rintis dalam wacana sastera Malaysia yang membawa naratif ke arah lebih kritis dan reflektif.

Kata kunci; Hipoteks Sejarah, Kumpulan Cerpen *Pembunuh Anarki*, Jasni Mat Lani, Intertekstualiti, Julia Kristeva.

ABSTRACT

*This paper analyses the role and function of intertextuality in *Kumpulan Cerpen Pembunuh Anarki* (2015), a short story collection by Jasni Mat Lani, a Malaysian postmodern author known for his experimental writing style and critical stance towards conventional narrative structures. This hypertext is rich with cross-references to historical narratives, contemporary issues, and religious elements, including figures such as Prophet Noah. The intertextual approach employed serves not merely as an aesthetic device but also functions as a deconstructive instrument that challenges the authority of dominant discourses, including political and social paradigms. This study demonstrates how Jasni Mat Lani draws upon Julia Kristeva's (1980) conception of intertextuality to create a narrative space that blurs the boundaries between the sacred and the profane, the logical and the absurd. The incorporation of the MH370 tragedy, the Israel-Palestine conflict, and the story of*

*Prophet Noah in a subversive context raises profound philosophical questions concerning identity, meaning, and truth. In addition, this paper explores the author's background, including his education and personal experiences, which have significantly shaped the imaginative world within his works. Jasni Mat Lani's academic grounding in philosophy and his inclination towards radical discourse reinforce a writing style that disrupts mainstream narratives. Overall, this paper demonstrates that intertextuality in *Pembunuh Anarki* is not merely a textual play but an intellectual strategy that empowers the author to deconstruct and reconstruct meaning. This work should be regarded as a pioneering text in Malaysian literary discourse, steering narrative forms towards greater criticality and reflection.*

Keywords: Historical Hypotext, Kumpulan Cerpen Pembunuh Anarki, Jasni Mat Lani, Intertextuality, Julia Kristeva.

PENGENALAN

Kesusasteraan Melayu, sebagaimana yang dilahirkan oleh pengarangnya bukan hanya sekadar karya seni yang terlahir dari ilham, tetapi ia adalah cermin yang memantulkan denyut nadi kehidupan masyarakat yang melahirkannya. Sastera adalah medium yang menggambarkan kepelbagaian pengalaman, cabaran, dan nilai dalam kehidupan manusia, menjadikannya sebagai ruang di mana individu dan kolektif dapat berinteraksi dengan realiti melalui pembinaan simbol, metafora, dan struktur naratif. Seperti yang ditegaskan oleh Taine (1996), teks kesusasteraan tidak hanya sebagai karya seni yang berdiri sendiri, tetapi merupakan pernyataan tentang psikologi individu serta gambaran suasana sosial, persekitaran, dan tempoh masa yang dilalui oleh individu tersebut. Dalam hal ini, kesusasteraan berfungsi bukan sahaja sebagai catatan tetapi juga sebagai refleksi serta kajian terhadap masyarakat yang diwakilinya (A. Wahab Ali, 1995).

Bagi Shahnnon Ahmad (1991), karya sastera bukan sekadar mencatatkan peristiwa, tetapi ia adalah satu analisis terhadap dinamika kehidupan manusia, baik halangan mahupun rintangan yang harus dihadapi. Dalam erti kata yang lebih luas, kesusasteraan memberi pandangan yang lebih dalam terhadap gerak-gempa kehidupan, termasuk di dalamnya konteks sosial, politik, dan budaya yang membentuk setiap individu. Sastera itu sendiri mengandungi kepelbagaian lapisan makna, dan dalam setiap lapisan itu, tersembunyi refleksi kehidupan manusia yang terpinggir, tertindas, atau bahkan terlupakan (Sahlan Mohd. Saman, 2005).

Sebagai suatu bentuk seni, kesusasteraan juga dianggap sebagai institusi yang mengikat masyarakat kepada nilai-nilai dan tradisi mereka, serta memberikan ruang bagi para pengarang untuk menyuarakan perubahan dan pemikiran baru dalam masyarakat mereka (Mohd. Taib Osman, 2011). Sastera merupakan medium yang berupaya menggerakkan masyarakat, tidak hanya dengan mencatatkan peristiwa-peristiwa besar, tetapi juga dengan menyampaikan pengalaman manusia yang lebih intim, yang mungkin terlepas pandang dalam wacana sejarah atau politik. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Muhammad Haji Salleh (1999), walau secanggih manapun sesebuah tamadun itu, ia tetap memerlukan sastera untuk merakamkan kehidupan dan memberi arah serta makna kepada perjalanan bangsa.

Dalam konteks ini, penghasilan karya kreatif tidak dapat dipisahkan daripada dua perkara yang penting: proses berfikir kreatif dan proses kreatif itu sendiri. Seperti yang ditegaskan oleh Rahimah Haji A. Hamid (2012), karya kreatif adalah manifestasi dari curahan perasaan pengarang mengenai nilai-nilai hidup yang dinamis, yang dirasakan oleh nuraninya. Oleh itu, penghasilan karya sastera memerlukan lebih daripada sekadar bakat semulajadi, ia juga memerlukan pengamatan mendalam terhadap realiti hidup, serta kepekaan terhadap perubahan zaman. Bakat pengarang dalam mencerna bahan-bahan daripada realiti kehidupan berasaskan pengalaman peribadi dan pengamatan sosial menghasilkan karya yang tidak hanya menggambarkan kehidupan tetapi juga memberi makna kepada masyarakat yang membaca dan menghayatinya (A. Rahim Abdullah, 2010).

Sejarah pula bukan sahaja menjadi tapak rujukan bagi sesebuah karya kreatif, tetapi turut menjadi ruang kontestasi makna. Dalam *Pembunuh Anarki*, kisah MH370 dan peperangan Israel-

Palestin diangkat sebagai isu yang saling bercanggah, mewujudkan satu bentuk sejarah alternatif yang dekonstruktif. Pengarang mempermainkan konsep kebenaran sejarah dengan memasukkan kisah ini dalam situasi yang tidak konvensional, sekali gus mengkritik penerimaan sejarah yang kaku. Kepentingan mempelajari sejarah dalam konteks ini adalah untuk menanggapi bagaimana sejarah ditulis, siapa yang menulis, dan bagaimana kuasa memanipulasi sejarah untuk tujuan tertentu. Jasni Mat Lani dengan sengaja membongkar peristiwa-peristiwa sejarah (hipoteks) dengan membawa semula kisah ini ke dalam wacana kontemporari (hiperteks).

METODOLOGI

Menurut Hornby (1985), metodologi didefinisikan sebagai suatu himpunan kaedah yang digunakan untuk melaksanakan kajian ke atas subjek yang tertentu. Justeru, bahagian ini memainkan peranan yang amat signifikan dalam membincangkan, menganalisis, serta mentafsir data demi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dirumuskan sebelumnya. Kajian ini berpaksi pada pendekatan kualitatif, sebuah metodologi yang mendokumentasikan data dalam bentuk deskriptif, baik yang termanifestasi melalui coretan tulisan mahupun tutur kata yang bersumberkan perilaku manusia. Kaedah utama yang diguna pakai dalam usaha pengumpulan data adalah kaedah kepustakaan. Data kualitatif diperoleh daripada pelbagai sumber yang kaya dengan nilai ilmiah. Antaranya ialah koleksi rujukan di Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Bachok), artikel jurnal, prosiding akademik, latihan ilmiah, serta bahan dari laman sesawang khususnya berkaitan sejarah Malaysia terutamanya hal yang berkaitan dengan tragedi MH 370, peperangan Israel-Palestin dan kisah Nabi Nuh. Kaedah ini digunakan untuk memastikan dapatan kajian tidak hanya relevan tetapi juga mampu memberikan gambaran yang mendalam terhadap tema yang diketengahkan.

SOROTAN LITERATUR

Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali dan Phat Awang Deng (2020) menerusi “Hipoteks sebagai idea penggalan naratif dalam novel berunsur sejarah Tun Tuah” cuba meneliti hubungan antara peristiwa yang terkandung dalam hipoteks sejarah sebagai pembinaan naratif dalam penulisan novel. Novel berunsur sejarah *Tun Tuah* karya Affifuddin Omar dan naskhah *Sejarah Melayu* edisi Shellabear dibataskan sebagai teks kajian bagi memperkhususkan penelitian dan memberi fokus pada objektif penelitian yang hendak dicapai. Penelitian ini bersifat pendekatan kualitatif yang memerlukan pembacaan rapi terhadap kedua-dua buah naskhah yang terlibat sebelum menjalankan analisis kandungan dan dihuraikan secara deskriptif. Tuntasnya, sebagai sebuah novel berunsur sejarah, novel *Tun Tuah* menyerap peristiwa-peristiwa yang pernah dikisahkan dalam naskhah hipoteks sejarah, iaitu *Sejarah Melayu*, namun dengan sentuhan baharu oleh pengarang. Pengarang menjadikan teks *Sejarah Melayu* sebagai sumber pembinaan naratif dalam novel *Tun Tuah*. Penelitian terhadap novel *Tun Tuah* menemukan kecenderungan Affifuddin Omar sebagai pengarang dalam menggembelng teks *Sejarah Melayu* sebagai strategi kepengarangannya.

Kajian “Aspek Pemikiran Kreatif Dalam *Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Ginkgo* Karya Jasni Mat Lani” oleh Norfazila Aron (2020) ini bertujuan untuk menganalisis aspek pemikiran kreatif dalam kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, dan Pohon Ginkgo karya Jasni Matlani. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti aspek pemikiran kreatif serta mengaplikasikan pemikiran kreatif berdasarkan Teori SPB4L. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Teori sistem Pemikiran Bersepadu 4 L (Luhur, lahir, logik, dan Lateral) oleh Yusof Hassan. Berdasarkan teori ini, pemikiran luhur serta pemikiran logik merupakan sebuah pemikiran yang sering dikaitkan dalam penceritaan jalan cerita. Pemikiran luhur merupakan aspek kerohanian dalam kehidupan. Manakala, pemikiran logik pula, mementingkan fakta serta sesebuah peristiwa yang berlaku untuk membentuk sejarah dalam sesebuah kehidupan tersebut. Selain itu, Pengkaji membataskan kajian dengan mengkaji sebanyak 5 buah cerpen dalam kumpulan cerpen tersebut. Karya ini dipilih sebagai bahan kajian kerana dalamnya terkandung unsur-unsur jati diri, nilai-nilai murni, dan kehidupan masyarakat yang digambarkan kepada bukan manusia. Analisis kajian ini

mendapati bahawa aspek pemikiran kreatif digunakan sebaik yang mungkin oleh penulis. Kajian ini berkisarkan tentang corak peribadi masyarakat itu sendiri dan diperlihatkan melalui watak-watak yang bukan manusia serta sejarah melalui cerpen dalam *Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, dan Pohon Gingko*. Kesimpulannya, kajian ini bukan sahaja memperlihatkan kekreatifan dan kegigihan pengkarya malah dapat melihat pengadaptasian di antara nilai-nilai kemanusiaan dengan pendekatan teori SPB4L.

Kajian intertekstualiti dalam sastera Melayu pula lebih banyak tertumpu kepada karya sastera klasik atau moden yang menampilkan pengaruh luar secara langsung seperti *Hikayat Hang Tuah* atau kajian novel. Namun, sangat kurang kajian yang mengkhususkan kepada analisis intertekstualiti secara terperinci dalam konteks cerpen pascamodenisme Melayu khususnya yang diwakili oleh Jasni Mat Lani. Oleh itu, makalah ini bertujuan mengisi kelompongan tersebut dengan menjadikan *Pembunuh Anarki* sebagai medan eksplorasi teks-teks silang yang menghubungkan peristiwa sejarah, politik dan agama dalam satu naratif kompleks.

INTERTEKSTUALITI JULIA KRISTEVA

Julia Kristeva yang terkenal dengan konsep *intertekstualiti*, membangunkan teori ini berdasarkan pengaruh pemikiran Ferdinand de Saussure dan Mikhail Bakhtin (Tuan Rusmawati Raja Hassan, 2014). Kristeva mengembangkan idea intertekstualiti sebagai cara untuk memahami bagaimana teks-teks berhubung dan mempengaruhi satu sama lain (A. Halim Ali, 2024: 122). Fahaman intertekstualiti dalam kajian ini adalah berdasarkan definisi asas Kristeva bahawa “...any text is the absorption and transformation of another” menerusi *Semiotika and Desire in Language: A Semiotic Approach to Literature and Art* (1980) (Kristeva, 1980: 66). Intertekstual dalam erti kata bahawa setiap teks adalah hasil daripada pengaruh dan dialog dengan teks-teks yang sebelumnya.

Kristeva tidak lagi menggunakan istilah “*dialogic*” tetapi menggantikannya dengan “*intertextuality*”. Konsep “*intertextuality*” pertama kali diperkenalkan Kristeva kepada khalayak kesusasteraan Perancis pada tahun 1960-an menerusi tulisannya “*Le mot, le dialogue et le roman*” (Mawar Shafei, 2005: 22). Kristeva kemudian melanjutkan proses dialog Bakhtin dengan merincikannya kepada beberapa prinsip asas seperti petikan (*quotation*), penyerapan (*absorption*), pemindahan (*transposition*) dan pengubahan (*transformation*) (Mawar Safei, 2010: 41).

Menurutnya, teks adalah produk daripada pengaruh teks-teks sebelumnya, dan makna dalam teks bukanlah sesuatu yang ditentukan secara tetap. Sebaliknya, makna terbentuk melalui interaksi antara teks-teks yang berbeza dalam sistem budaya yang lebih luas. Bagi Kristeva, setiap teks adalah satu bentuk “dialog” dengan teks-teks sebelumnya, di mana teks tersebut merujuk, memodifikasi, atau menyanggah teks-teks yang ada. Dengan itu, intertekstualiti bagi Kristeva adalah suatu proses di mana teks-teks tidak pernah berdiri sendiri, tetapi selalu berkait dengan satu sama lain dalam suatu rangkaian makna yang terus berkembang.

Teori intertekstualiti yang dicetuskan oleh Julia Kristeva memberikan dimensi baharu dalam memahami hubungan antara teks-teks sastera. Menurut Kristeva, intertekstualiti merujuk kepada hubungan yang terbentuk antara satu teks dengan teks-teks lain melalui pengaruh, rujukan, atau kutipan yang menghubungkan teks tersebut dalam jaringan makna yang lebih luas. Kristeva memandang teks sebagai hasil daripada dialog berterusan dengan teks-teks sebelumnya dan akan datang, membentuk jaringan makna yang sentiasa berkembang.

Bagi karya *Pembunuh Anarki* oleh Jasni Mat Lani, analisis intertekstual memberi gambaran bagaimana teks ini membentuk lapisan makna melalui rujukan dan pengaruh daripada teks-teks lain, baik dalam sastera Melayu mahupun sastera dunia. Melalui pendekatan intertekstual, kita dapat melihat bagaimana pengarang menyaring pengalaman sejarah, budaya, dan masyarakat dalam karyanya dengan merujuk dan membina dialog dengan karya-karya sastera lain, membentuk satu naratif yang penuh dengan pertanyaan terhadap kemanusiaan, sejarah, dan politik.

Menurut Kristeva, intertekstualiti adalah prinsip utama dalam teori sastera yang menganggap bahawa teks tidak pernah wujud dalam kesendirian, melainkan selalu berada dalam hubungan dengan teks-teks lain. Kristeva berpendapat bahawa setiap teks adalah sintesis dari unsur-unsur yang terdapat

dalam teks-teks terdahulu yang hadir dalam bentuk kutipan, transformasi, dan pengolahan semula. Oleh itu, pembacaan terhadap teks melibatkan proses "penafsiran berganda" yang membuka ruang untuk pelbagai kemungkinan makna berdasarkan hubungan yang terjalin antara teks tersebut dengan teks-teks sebelumnya (Kristeva, 1980).

PEMBUNUH ANARKI DAN INTERTEKSTUALITI

Dalam dunia kesusasteraan yang sentiasa bergolak antara realiti dan imaginasi, muncul sebuah karya yang mencabar pemikiran, menyoal segala bentuk autoriti, dan menghancurkan batas antara yang sakral dan yang profan. *Pembunuh Anarki* karya Jasni Mat Lani telah memenangi tempat ketiga dalam Sayembara Penulisan 2 ITBM-PENA-BH bagi kategori Kumpulan cerpen. Kumpulan cerpen yang mengandungi 12 buah cerpen bukan sekadar kumpulan cerpen biasa yang mempersembahkan plot, watak, dan konflik. Ia adalah medan pertembungan wacana; sebuah naskhah yang sarat dengan intertekstualiti yang menyulam unsur sejarah, falsafah, agama, dan budaya secara sinis dan radikal. Dalam penelitian ini, akan diperincikan apa dan mengapa konsep intertekstualiti menjadi teras utama dalam pembinaan naratif *Pembunuh Anarki*, serta bagaimana pengalaman hidup, pendidikan, dan latar peribadi pengarang turut mewarnai kehadiran teks tersebut dalam kanon sastera Melayu kontemporari.

Dengan demikian, *Pembunuh Anarki* merupakan contoh dalam memahami bagaimana intertekstualiti dapat memperkaya pengalaman membaca dan membuka lebih banyak kemungkinan tafsiran tentang kehidupan, sejarah, dan budaya. *Pembunuh Anarki* adalah sebuah tajuk yang mengandungi makna yang mendalam dan simbolik. Dalam konteks tajuk ini, "anarki" merujuk kepada keadaan atau sistem tanpa pemerintahan yang teratur, di mana kekacauan, ketidakstabilan, dan pelanggaran terhadap undang-undang berlaku secara bebas. "Pembunuh" pula merujuk kepada individu atau elemen yang menyebabkan atau membawa kepada kematian, penghancuran, atau penghapusan sesuatu.

Secara keseluruhannya, tajuk *Pembunuh Anarki* menggambarkan satu usaha atau tindakan yang bertujuan untuk menamatkan keadaan anarki tersebut, sama ada dengan cara yang destruktif atau revolusioner. Ia boleh diinterpretasikan sebagai simbol perjuangan atau tindak balas terhadap situasi sosial, politik, atau budaya yang kacau bilau atau tidak teratur. "Pembunuh Anarki" boleh merujuk kepada watak utama atau pihak yang berperanan dalam mengubah atau menghancurkan sistem yang mengakibatkan keadaan anarki ini, mungkin melalui kekuatan, pengorbanan, atau perjuangan yang menentang kekacauan tersebut. Tajuk ini menggambarkan ketegangan antara dua konsep utama, iaitu kekacauan yang disebabkan oleh anarki dan usaha untuk menghapuskan atau mengembalikan ketenteraman dalam masyarakat.

***Pembunuh Anarki* dan Karya Interteks Lain: Satu Perbandingan**

Kumpulan Cerpen *Pembunuh Anarki* oleh Jasni Mat Lani dapat dilihat melalui perspektif intertekstual, iaitu bagaimana karya ini membina hubungan dengan teks-teks lain baik secara langsung mahupun tidak langsung, untuk memperkaya makna dan mengundang pelbagai tafsiran. Dalam konteks ini, kita boleh membandingkan *Pembunuh Anarki* dengan beberapa karya lain yang menggunakan konsep intertekstualiti, seperti *1984* oleh George Orwell, *Les Misérables* oleh Victor Hugo, dan *The Trial* oleh Franz Kafka. Semua karya ini berkongsi tema-tema yang berkaitan dengan ketidakadilan sosial, kuasa, dan perjuangan individu dalam menghadapi sistem yang menindas.

Salah satu persamaan yang dapat ditemukan antara *Pembunuh Anarki* dan *1984* adalah keduanya membicarakan soal ketidakadilan dan penindasan oleh kuasa yang memerintah. Dalam *1984*, Orwell menggambarkan sebuah dunia totalitarian di mana kebebasan individu dikekang dan semua tindakan manusia dikawal oleh parti yang berkuasa. Begitu juga dalam *Pembunuh Anarki*, kita dapat melihat ketidakadilan sosial dan kekacauan yang berlaku dalam masyarakat, di mana individu-individu terperangkap dalam sistem yang tidak adil, dan mereka berjuang untuk mencari kebebasan dan keadilan.

Dari perspektif intertekstual, kedua-dua karya ini boleh dilihat saling berhubung kerana keduanya memperlihatkan bagaimana ketidakadilan dan penguasaan kuasa dapat menyebabkan kekacauan (anarki) dalam masyarakat. Dalam hal ini, *Pembunuh Anarki* mungkin boleh dianggap sebagai respons terhadap sistem yang mengingatkan khalayak kepada “Big Brother” dalam *1984*, sebuah sistem yang memaksa individu untuk hidup dalam ketakutan dan tanpa kebebasan.

Les Misérables adalah sebuah karya besar yang mengisahkan tentang perjuangan rakyat biasa menentang ketidakadilan sosial di Perancis pasca-revolusi. Dalam karya ini, tokoh utama, Jean Valjean, berjuang untuk membebaskan dirinya dari belenggu undang-undang yang tidak adil, sambil mencari erti kehidupan yang lebih baik. Sementara itu, dalam *Pembunuh Anarki*, tokoh-tokoh utama juga berusaha menentang sistem yang menindas dan mencari jalan untuk membebaskan diri dari kekacauan sosial dan politik.

Intertekstualiti antara *Les Misérables* dan *Pembunuh Anarki* dapat dilihat dalam cara kedua-dua karya ini membincangkan tema-tema moral, seperti keadilan, pengorbanan, dan kemanusiaan. Kedua-duanya memaparkan konflik yang dialami oleh individu-individu yang hidup di bawah sistem yang tidak adil. Dalam *Les Misérables*, Hugo menyentuh soal bagaimana undang-undang yang tidak adil menindas golongan yang sudah miskin dan terpinggir, sementara dalam *Pembunuh Anarki*, tema ketidakadilan ini dibangkitkan dalam konteks anarki dan sistem yang kacau bilau, di mana individu berjuang untuk mempertahankan nilai-nilai kemanusiaan.

Karya *The Trial* oleh Franz Kafka juga mengangkat tema ketidakadilan dan penindasan dalam sebuah sistem yang tidak jelas. Tokoh utama dalam *The Trial*, Josef K., menghadapi sebuah sistem perundangan yang tidak dapat difahami dan seolah-olah tidak mempunyai asas yang jelas. Begitu juga dalam *Pembunuh Anarki*, watak-watak terperangkap dalam sistem yang kompleks dan membingungkan, di mana kekuatan yang lebih besar menentukan nasib mereka, tanpa memberi ruang untuk memahami sepenuhnya tujuan dan keadilan di sebalik keputusan-keputusan tersebut.

Dalam konteks ini, konsep intertekstualiti dalam *Pembunuh Anarki* dapat diperluas dengan menunjukkan bahawa pengarang mencipta satu bentuk “trial” atau ujian terhadap individu dalam masyarakat yang kacau bilau. Seperti dalam *The Trial*, ketidakpastian dan kekacauan dalam *Pembunuh Anarki* memaksa pembaca untuk memikirkan tentang makna kehidupan dan peranan mereka dalam sebuah masyarakat yang menindas dan penuh kontradiksi.

Pembunuh Anarki boleh dibandingkan dengan beberapa karya besar dunia yang juga menggunakan tema ketidakadilan, kuasa, dan perjuangan individu dalam menghadapi sistem yang menindas. Dengan menggunakan pendekatan intertekstual, kita dapat melihat bagaimana Jasni Mat Lani membina dialog dengan karya-karya seperti *1984*, *Les Misérables*, dan *The Trial*, yang memperlihatkan tema universal tentang ketidakadilan sosial dan kuasa yang menindas. Melalui intertekstualiti ini, *Pembunuh Anarki* tidak hanya berhubung dengan sastera Melayu, tetapi juga dengan tradisi sastera dunia yang lebih luas, menawarkan pembaca ruang untuk merenung dan berfikir tentang kemanusiaan dan keadilan dalam konteks yang lebih besar.

Intertekstualiti dalam sastera Melayu merujuk kepada hubungan antara karya-karya sastera, baik dalam konteks tradisional mahupun moden, di mana teks-teks tertentu saling mempengaruhi dan membentuk makna yang lebih mendalam. Melalui intertekstualiti, karya-karya sastera Melayu dapat dikaji dalam hubungan yang saling berkaitan dengan teks-teks lain, baik dalam sastera Melayu itu sendiri atau sastera dunia yang lebih luas.

Karya-karya interteks dalam sastera Melayu moden mencerminkan kesalinghubungan antara karya-karya tempatan dengan karya-karya sastera dari budaya dan tradisi lain. Melalui pengaruh teks-teks luar seperti *Ramayana*, *Les Misérables*, *The Great Gatsby*, dan *The Brothers Karamazov*, pengarang-pengarang Melayu telah memperkayakan sastera Melayu dengan tema-tema universal mengenai keadilan, perjuangan, dan ketidakadilan sosial. Intertekstualiti ini bukan sahaja memberi dimensi baru kepada pemahaman karya-karya Melayu, tetapi juga menghubungkan sastera Melayu dengan tradisi sastera dunia yang lebih luas, menjadikannya lebih relevan dan berdaya saing dalam perbincangan sastera global.

Peristiwa Sejarah Sebagai Teks Yang Terbuka

Sejarah, dalam makna konvensional sering dianggap sebagai kronologi peristiwa yang tetap dan muktamad. Namun, dalam dunia pascamoden, sejarah menjadi satu bentuk teks yang terbuka dan terdedah kepada tafsiran semula, pembacaan kritis, dan bahkan pemalsuan demi kuasa. Jasni Mat Lani menangkap keretakan ini dalam *Pembunuh Anarki* dengan mengacau-bilaukan watak sejarah, membalikkan kedudukan moral mereka, dan mempersembahkannya dalam bentuk parodi dan ironi. Nama-nama seperti Nabi Nuh muncul bukan sekadar sebagai rujukan semata, tetapi sebagai simbol yang dipinjam dan digeser maknanya.

Melalui penerapan teori intertekstualiti Julia Kristeva, *Pembunuh Anarki* karya Jasni Mat Lani dapat dilihat sebagai sebuah teks yang bukan sahaja berdiri sebagai karya sastera, tetapi juga sebagai ruang di mana pelbagai teks bersejarah, budaya, agama, dan falsafah berinteraksi. Penggunaan elemen-elemen intertekstual dalam novel ini menunjukkan bagaimana teks-teks yang lebih luas membentuk makna dalam naratifnya, memperlihatkan kaitan antara perjuangan politik, ketidakadilan sosial, dan persoalan kemanusiaan. Jasni Mat Lani melalui *Pembunuh Anarki*, membuka ruang untuk pembaca melihat sastera sebagai sesuatu yang lebih daripada sekadar hiburan; ia adalah cermin bagi masyarakat, tempat untuk berfikir, merenung, dan bertindak. Bagaimanapun, penelitian ini hanya menumpukan tiga cerpen sahaja iaitu “Sebatang Pohon Salimidar”, “Sejarah dan Kematian” serta “Dewa dan Anjing”.

Bahtera Nuh sebagai Metafora Kepimpinan

Kisah Nabi Nuh A.S. dan bahteranya merupakan antara naratif penting dalam al-Quran yang sarat dengan pengajaran berkenaan kepimpinan, keimanan, dan ketundukan kepada perintah Allah SWT. Kisah Nabi Nuh a.s diceritakan dalam beberapa surah termasuk Surah Hud (ayat 25–48), *Surah Nuh* (ayat 1–28), dan Surah al-Mu’minun (ayat 23–30). Nabi Nuh digambarkan sebagai rasul yang sabar dan gigih dalam menyeru umatnya agar beriman kepada Allah, Bahtera yang dibina atas perintah Allah menjadi simbol keselamatan daripada azab banjir besar. Kisah Nabi Nuh a.s yang terkandung dalam al-Quran ini bukan sekadar catatan sejarah kenabian, tetapi satu naratif penuh simbol dan pengajaran yang boleh ditafsir semula melalui lensa teori sastera moden. Pengarang memanfaatkan prinsip transformasi kisah pembinaan bahtera dan banjir besar untuk memahami makna tersirat di sebalik isu semasa yang berlaku pada ketika teks ini dihasilkan, khususnya dalam konteks hubungan antara pemimpin dan orang bawahan. Bahtera Nabi Nuh dianalisis sebagai lambang institusi atau negara, manakala Nabi Nuh sendiri diposisikan sebagai metafora pemimpin politik yang membawa umat menempuh zaman krisis. Prinsip transformasi memungkinkan naratif agama dalam hipoteks ini dipindahkan dan dihidupkan semula dalam hiperteks, lantas memberi panduan moral dan strategik kepada pemimpin masa kini.

Hal ini kerana, kepimpinan dalam sesebuah negara merupakan faktor penentu kepada kestabilan politik, pembangunan ekonomi, dan kesejahteraan rakyat. Pemimpin, khususnya yang menduduki tangga tertinggi dalam hierarki pentadbiran negara seperti Perdana Menteri, Presiden, atau Raja, mempunyai tanggungjawab yang sangat besar terhadap hala tuju negara. Kepimpinan bukan hanya satu jawatan, tetapi satu amanah yang menuntut kejujuran, kecekapan, dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan yang memberi kesan kepada jutaan rakyat. Lihat “Sebatang Pohon dan Salimidar”, halaman 9;

“...Sekaki payung jahanam itu, hanyalah sekaki payung yang tidak diperlukan. Dengarkan baik-baik, aku memerlukan sebuah bahtera besar Nabi Nuh bagi menghadapi banjir maha dahsyat itu. Supaya aku dapat membawa bersamaku mereka yang memerlukan perlindungan Tuhan, atau aku dapat menyelamatkan makhluk Tuhan yang baik-baik belaka dan hidup selamat di dalam bahtera

besar itu. Tetapi makhluk Tuhan yang kejam, yang hanya mengenali warna darah dalam kehidupan, makhluk Tuhan yang korupsi dan memakan hasil korupsi seperti memakan daging babi panggang yang paling lazat di dunia, biarkanlah tenggelam di dalam banjir dan bangkainya dimakan ikan piranha paling kejam, sehingga tidak tinggal, walaupun seinci tulang rangka...”

(Jasni Mat Lani, 2015:9)

Bahtera Nabi Nuh bukan sekadar kapal kayu yang berlayar meredah badai; ia adalah metafora kepada negara, bangsa, dan peradaban. Maka, Nabi Nuh itu ibarat pemimpin politik, nakhoda yang memikul beban amanah bukan hanya untuk menyelamatkan diri, tetapi untuk menyelamatkan segelintir umat yang beriman, setia, dan tidak goyah ditelan gelombang fitnah serta ketakutan.

Seorang pemimpin, sebagaimana Nabi Nuh, tidak boleh sekadar berdiri di anjung kuasa tanpa haluan moral. Bahtera bangsa bukan boleh dibiarkan hanyut oleh arus politik rakus, tetapi mesti dipimpin dengan kompas keadilan, layar kebenaran, dan sauh integriti. Di tangan seorang pemimpin, bergantung nasib seluruh penumpang yakni rakyatnya. Jika pemimpin itu bijak menafsir arah angin dan mengemudi haluan, maka bahtera bangsa akan belayar gagah di samudera peradaban. Namun jika dia leka, angkuh atau menafikan suara yang benar, maka kapal itu akan karam dalam badai kezaliman dan kehancuran.

Kisah anak Nabi Nuh yang enggan menaiki bahtera meskipun darah daging sendiri; menjadi iktibar bahawa kepimpinan bukanlah urusan kasih peribadi, tetapi pertimbangan kebenaran. Seorang pemimpin tidak boleh tunduk kepada suara-suara yang melalaikan walau datang dari pihak yang paling hampir. Bahtera itu bukan tempat melindungi kepentingan keluarga atau kroni, tetapi wadah menyelamatkan yang benar-benar berpegang pada prinsip dan nilai luhur.

Maka, seorang pemimpin hari ini harus meneladani hikmah Nabi Nuh, bersiap membina bahtera walau ditertawakan, bersabar menghadapi gelombang celaan, dan tetap teguh di anjung kapal meskipun langit meruntuhkan air mata dan bumi menolak gelombang. Bahtera bangsa hanya akan sampai ke daratan harapan jika nakhodanya berjiwa Nabi. Tanpa itu, karamnya bukan sekadar kapal, tetapi seluruh peradaban yang dipertaruh.

Kebenaran yang Dipalsukan: Dosa Diam di Balik Tirai Kuasa

Dalam dunia yang sarat dengan gema kata dan ilusi citra, kebenaran bukan lagi pelita, tetapi bayang yang digoncang oleh tangan-tangan kuasa. Ia tidak lagi bersuara dengan lantang, tetapi dibungkam oleh kebijaksanaan palsu yang pandai bersilat dengan istilah, slogan dan janji manis yang menidurkan. Di balik tabir pentas kekuasaan, kebenaran dipakaikan jubah palsu, dijual beli dalam pasaran kepentingan.

Kebenaran; hakikat yang suci sewajarnya menjadi asas kepada keadilan dan amanah. Namun, apabila kebenaran dipalsukan, maka lahirlah kekeliruan, ketidakadilan, dan kebinasaan jiwa bangsa. Pemalsuan ini bukan sahaja berlaku dalam ucapan dan tulisan, tetapi juga dalam dasar, dalam keputusan, dalam senyuman pemimpin yang tidak ikhlas, dan dalam mata yang tidak sanggup menatap wajah rakyat dengan jujur. Yang benar diubah menjadi dusta yang teratur, dan yang salah dihiasi dengan kata-kata hikmah agar tampak luhur. Ia seperti racun yang dibancuh dalam cawan emas; kelihatan mulia tetapi mematikan. Media menjadi cermin yang menyelewengkan wajah realiti, sementara suara yang menyanggah disekat dan dicaci, bukan kerana salah, tetapi kerana mengganggu kenyamanan palsu yang dicipta.

Pemimpin yang memalsukan kebenaran tidak memimpin, tetapi memeralat. Mereka menjahit bendera kebenaran dengan benang kepalsuan, lalu mengibar-ngibarkannya di menara tinggi, kononnya lambang kemajuan, sedang hakikatnya rakyat menjerit di bawah, tenggelam dalam banjir kemunafikan sistemik.

Langit menjadi saksi, laut menjadi pendiam yang menyimpan rahsia bahawa pada tarikh 8 Mac 2014, burung besi bernama MH370 lenyap tanpa pamil. Dunia terhenti seketika, dan air mata mula bertakung di setiap wajah yang menanti. Namun, yang lebih menyakitkan daripada kehilangan, adalah ketidakpastian dan lebih menyesak adalah kebenaran yang dipalsukan. MH370 bukan sekadar kehilangan sebuah pesawat; ia adalah luka kolektif dalam sanubari bangsa dan kemanusiaan, luka yang berdarah saban tahun tetapi tidak pernah sembuh kerana kebenaran tentangnya dibalut dengan kabus kebisuan, kesamaran dan kemungkinan yang direka-reka. Jawapan-jawapan yang diberikan tidak memuaskan jiwa, dan yang dicari bukan teori, tetapi hakikat apakah yang benar-benar berlaku? Kini sudah 11 tahun peristiwa hitam ini berlalu. Dalam medan sejarah dunia moden, MH370 menjadi lambang tragedi yang diselubungi kepalsuan, dan dikelilingi kekuasaan yang memilih diam. Ada sesuatu yang tidak dikatakan, atau sengaja disembunyikan dan di sinilah, tanggungjawab pengarang menjadi genting dan luhur.

Seorang pengarang bukan sekadar pencipta cerita; dia adalah penyaksi zaman, pendakwah nurani dan penjaga suara yang dibungkam. Dalam dunia yang semakin kabur antara fakta dan fitnah, antara maklumat dan manipulasi, pengarang mesti menjadi pelita yang menyinari lorong gelap, agar masyarakat tidak terus dibuai oleh naratif palsu yang meracun kesedaran. Melalui prinsip modifikasi, Jani Mat Lani dikesani telah melakukan penyesuaian dari aspek jalur cerita dalam tragedi MH370 dalam cerpennya. Hal ini dikerjakan bagi memperlihatkan kebenaran kepada khalayak yang selama ini diperkotak-katikkan oleh media massa. Lihat “Sejarah dan Kematian”, halaman 15;

“...Ketika itu juga timbul kenyataan yang bercanggah, sementara bahan bukti dikeluarkan bagi mengelirukan dunia. Namun, China mahu pesawat itu ditemukan, dan sanggup menggunakan segala kepakaran dan keupayaan, aset pesawat, kapal dan satelit bagi mencari MH370 di Laut China Selatan dan Selat Melaka kemudian Lautan Hindi. China amat serius dalam pencarian pesawat itu bukan kerana majoriti penumpang MH370 itu adalah rakyat China, tetapi kerana nilai kargo dan nasib lapan orang saintis pertahanan mereka yang berada di dalam pesawat itu...”

(Jasni Mat Lani, 2015:15)

Dalam konteks MH370, Jasni Mat Lani tidak hanya seorang pengarang hanya berpuisi tentang kesedihan dan kehilangan, tetapi mesti menyulam persoalan moral, kebenaran, dan keadilan. Kebenaran mungkin cuba dipalsukan, tetapi pena pengarang yang jujur, boleh menjadi medan yang membawa umat menuju cahaya kesedaran, sama seperti bahtera Nabi Nuh yang menyelamatkan umat dari tenggelam dalam kebinasaan. Kebenaran meskipun dipalsukan, ia tidak mati. Ia mungkin dibenamkan dalam lumpur propaganda, tetapi tetap bernyawa dalam dada insan-insan jujur. Ia adalah nur yang sentiasa mencari celah untuk menyinar. Pemalsuan boleh menangguk cahaya, tetapi tidak bisa memadamkannya selama-lamanya. Maka, menjadi tugas setiap jiwa berprinsip pendidik, sasterawan, pemikir dan rakyat biasa untuk menanggalkan topeng palsu yang menutupi wajah kebenaran. Kerana apabila kebenaran kembali bersuara, maka runtuhlah singgahsana yang dibina atas dusta. Dan ketika itu, keadilan akan kembali bertakhta, bukan atas kekuatan kuasa, tetapi kerana kebenaran itu sendiri adalah kuasa yang abadi.

Kisah Israel dan Palestin: Sebuah Luka Panjang Umat Manusia

Konflik antara Palestin dan Israel bukanlah kisah baru. Ia adalah naratif yang berdarah dan berakar dalam sejarah, tetapi tetap segar dalam penderitaan. Di tengah-tengah tanah yang dijanjikan kepada para nabi, sebuah bangsa terus merintih dalam debu kehancuran. Tragedi ini bukan sekadar persengketaan wilayah atau agama, tetapi sebuah luka panjang kemanusiaan, yang terus bernanah kerana kebenaran dipalsukan dan keadilan ditangguk.

Sejarah mencatat bahawa pada tahun 1948, terbentuknya negara Israel di atas tanah Palestin telah meragut hak sebuah bangsa yang sah. Ribuan rakyat Palestin diusir dari kediaman mereka dalam peristiwa yang dikenali sebagai Nakbah; bencana yang masih belum berakhir. Sejak itu, penjajahan moden oleh rejim Zionis berterusan, menjarah bukan sahaja tanah, tetapi juga maruah, identiti, dan masa depan rakyat Palestin. Penempatan haram tumbuh saban tahun, perkampungan Palestin dimusnahkan, dan mereka yang bersuara dibungkam dengan kekerasan. Apa yang berlaku bukan sekadar pendudukan, tetapi satu bentuk penindasan sistemik dan pembersihan etnik secara beransur-ansur.

Gaza, tanah sempit yang padat dengan nyawa kini menjadi simbol perlawanan dan penderitaan. Serangan demi serangan dilancarkan oleh Israel, memusnahkan hospital, sekolah, dan tempat ibadah. Kanak-kanak menjadi korban, dan keluarga hancur di hadapan dunia yang membisu. Ironinya, setiap usaha rakyat Palestin mempertahankan tanah air mereka disifatkan sebagai tindakan keganasan, sedangkan yang menjajah dan membunuh disebut sebagai mempertahankan diri. Inilah dunia yang menilai nyawa menurut kepentingan politik, bukan nilai kemanusiaan.

Pertanyaan yang sering muncul, “di manakah suara dunia Islam?” Di manakah negara-negara yang selama ini mendabik dada sebagai pembela ummah? Dalam keliru dan celaru diplomasi antarabangsa, Palestin menjadi mangsa ketidakpedulian. Namun begitu, harapan masih menyala melalui pena para pengarang, sasterawan, ilmuwan dan pendakwah, yang tidak henti-henti menjadikan Palestin sebagai medan dakwah, sebagai lambang perjuangan. Di sinilah peranan pengarang menjadi mulia sebagai penyampai kebenaran, sebagai pendakwah lewat karya, dan sebagai penjaga nurani masyarakat yang kian dilalaikan oleh propaganda media arus perdana. Seorang pengarang yang berpegang pada nilai al-Quran tidak boleh memilih untuk diam. Allah berfirman dalam *Surah An-Nisa*, ayat 75, “Mengapa kamu tidak mahu berperang pada jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah di antara lelaki, perempuan dan kanak-kanak yang berdoa: Ya Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri ini yang penduduknya zalim...”. Firman ini bukan sekadar seruan untuk mengangkat senjata, tetapi panggilan untuk menyuarakan keadilan, walau hanya melalui kata dan tinta. Dalam dunia yang memanipulasi makna, pengarang harus membuka ruang kontestasi makna, mencabar naratif palsu dan memperjuangkan nilai moral serta kemanusiaan. Dikesani Jasni Mat Lani begitu sensitif akan isu kemanusiaan ini. Beliau memikul tanggungjawab dalam memperkatakan isu Palestin lewat cerpen dengan cara beliau yang tersendiri yakni dengan melakukan proses konversi. Jasni Mat Lani dilihat cuba memutarbalikkan tipa induk dengan menyatakan kisah peperangan ini sebagai dongeng semata-mata. Lihat cerpen “Dewa dan Anjing”, halaman 121;

“...Setiap kali bangsa Yahudi menyerang Gaza seperti haiwan buas yang dahagakan darah, aku pasti teringat cerita dongeng yang sangat popular dan diceritakan dari mulut ke mulut seperti katak yang melompat dari palma daun teratai ke palma daun teratai yang lain di sebuah tasik tenang negeri kami. Cerita dongeng itu kadang-kadang berdiang di bawah matahari yang bertukar menjadi emas pada penghujung hari yang suram, dan malam menunggu dengan tubuh sejuk pada sebuah bangku kosong di halaman...”

(Jasni Mat Lani, 2015:121)

Perbandingan itu tampak aneh, malah bagi sesetengah pembaca, tidak berkait langsung. Namun dalam dunia yang sedang karam dengan tipu helah naratif, di situlah sebenarnya letak kehalusan sindiran dan kebenaran yang kita cuba lari daripadanya. Gaza bukan sekadar wilayah kecil di peta Asia Barat. Ia adalah jantung umat yang ditikam tanpa henti, namun tetap degil untuk mati. Gaza ialah tempat di mana bumi lebih kenal bau darah daripada hujan. Di sanalah kanak-kanak tidur dengan dentuman bom sebagai lagu nina bobo, dan wanita melahirkan di bawah langit yang dipenuhi

besi dan api. Dalam setiap serangan kejam Israel yang dilancarkan atas nama mempertahankan diri, dunia menjadi saksi kebisuan yang memalukan, Dan kita, sebagai manusia gagal menuturkan simpati dalam bentuk yang benar.

Lalu, mengapa dongeng? Mengapa palma daun teratai dan katak yang melompat?. Kerana itulah sifat kita; masyarakat yang leka dalam mimpi, walau dunia di luar jendela terbakar. Kisah dongeng yang disebut dalam petikan itu bukan semata-mata simbol nostalgia, tetapi sindiran tajam terhadap mentaliti masyarakat yang hanya pandai bercerita, menuturkan kisah heroik dan legenda, tetapi tidak mampu menjadi watak utama dalam perjuangan sebenar. Kita melompat dari satu isu ke satu isu, dari simpati palsu ke simpati baharu, tanpa pernah berakar dalam kesedaran. Seperti katak yang tidak tahu kedalaman tasik, kita pula tidak menyelami penderitaan Gaza, cukup hanya mengutip serpihan kisah dari media sosial, lalu melompat pergi.

Cerita dongeng itu juga menjadi kias kepada bagaimana penderitaan Palestin sering diringkaskan menjadi kisah, bukan realiti. Ia dipetik sebagai pelajaran moral dalam khutbah, dijadikan puisi kemanusiaan di pentas, namun selepas tirai ditutup, derita itu kembali menjadi sunyi yang tidak dipedulikan. Palma daun teratai yang tenang menggambarkan negeri kita — aman, selesa, tetapi penuh dengan kealpaan. Sedangkan di seberang sana, kanak-kanak Gaza mencari ibu mereka di bawah runtuhan, dan lelaki tua memeluk al-Quran di tengah debu peluru.

Dalam dunia yang penuh dengan manipulasi makna dan kebenaran yang dipalsukan, peranan penulis, seniman dan ilmuwan menjadi semakin mendesak. Pena bukan lagi sekadar alat seni, tetapi menjadi senjata moral. Pengarang tidak boleh berdiam. Kita harus menjadi suara yang mengoyak kelambu kebisuan, memecah gema propaganda, dan membina makna baharu yang lebih jujur kepada realiti yang pahit. Setiap bait puisi, setiap ayat esei, dan setiap metafora harus menjadi peluru kesedaran. Dalam erti kata lain, pengarang harus menjadi penutur kebenaran dalam zaman yang menyanjung kepalsuan.

Gaza mengajar kita bahawa dunia ini tidak adil, dan kezaliman sering menyamar sebagai diplomasi. Namun dalam setiap serangan, dalam setiap tangisan anak kecil, ada juga satu perkara yang tidak pernah lenyap; harapan. Harapan bahawa masih ada manusia yang tidak akan menjadikan kisah mereka sekadar dongeng, tetapi akan memperjuangkannya sebagai sebahagian dari kebenaran yang hakiki.

RUMUSAN

Analisis *Pembunuh Anarki* karya Jasni Mat Lani menggunakan teori intertekstualiti oleh Julia Kristeva memperlihatkan bagaimana pengarang membina satu jaringan makna yang luas melalui rujukan kepada peristiwa sejarah. Melalui pendekatan intertekstual, pengarang tidak hanya membina naratif yang terikat dengan realiti sosial dan politik semasa, tetapi turut menghubungkan cerita ini dengan idea-idea besar yang melintasi sempadan zaman dan budaya. Dalam konteks *Pembunuh Anarki*, kita melihat bagaimana tema-tema seperti perjuangan kemanusiaan, isu pemimpin yang korup dan kebenaran yang disembunyikan diberi perlambangan melalui simbolisme oleh watak-watak. Kristeva menganggap bahawa setiap teks bukanlah sebuah karya yang terpisah, melainkan sebuah entiti yang berhubung dengan teks-teks sebelumnya. Jasni Mat Lani menerapkan idea ini dengan memperkenalkan simbol-simbol yang berkomunikasi dengan pembaca mengenai ketegangan antara masyarakat dan individu, serta pertempuran antara nilai-nilai tradisional dan kemajuan yang lebih radikal. Secara keseluruhannya, *Pembunuh Anarki* bukan sekadar sebuah karya naratif, tetapi merupakan ruang yang menghubungkan pembaca dengan pelbagai dimensi sosial, sejarah, dan politik. Melalui teori intertekstualiti, kita dapat melihat betapa setiap elemen dalam novel ini saling berinteraksi untuk membentuk makna yang lebih dalam, serta membuka ruang untuk refleksi tentang kemanusiaan, perjuangan, dan keadilan. Dalam hal ini, Jasni Mat Lani berjaya menghasilkan karya yang bukan hanya relevan dengan konteks sosial semasa, tetapi juga mempunyai kaitan yang mendalam dengan pemikiran dan tradisi sastera yang lebih luas.

RUJUKAN

- A. Halim Ali. (2018). *Inti Sari Teori Sastera Barat dan Malaysia*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- A. Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZ Edu Publications.
- A. Rahim Abdullah. (1996). *Kesusasteraan dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. (1999). *Sastera dan Pembaharuan: Penulis dan Pembaca*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- A. Wahab Ali. (1995). *Pengajian Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UniversitiMalaya.
- Faisal Tehrani. (2010). *Sastera dan Pemikiran Kontemporari*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Jasni Mat Lani. (2014). *Kumpulan Cerpen: Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Ginkgo*. Kuala Lumpur: Penerbit ITBM
- Jasni Mat Lani. (2015). *Pembunuh Anarki*. Kuala Lumpur: Penerbit ITBM.
- Kristeva, J. (1980). *Desire in Language: A Semiotic Approach to Literature and Art*. New York: Columbia University Press.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan pendekatan kritikan sastera moden*. Shah Alam: PenerbitFajar Bakti.
- Mana Sikana. (2001). *Teori intertekstualiti. Bengkel Iktisar Teori Sastera Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2003). *Teori Bakhtin: pembuka pascamoden. Jurnal Teori dan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2006). *Kritik sastera melayu moden*. Bangi: Penerbit Pustaka Jaya.
- Maniyamin Ibrahim. (2009). *Sastera Underground dan Penulis Generasi Baru*. Kuala Lumpur: Pustaka Minda.
- Mawar Safei. (2005). *Kajian bandingan novel intertekstual Melayu. Tesis Doktor Falsafah*, Institut Pendidikan Kebangsaan, Universiti Teknologi Nanyang.
- Mawar Safei dan Tuan Rusmawati Raja Hassan. *Daun Sebagai Wahana Komunikasi dalam Kesusasteraan Melayu. Jurnal Komunikasi . Vol 36 (3): 157-175.*
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali dan Phat Awang Deng (2020). "Hipoteks Sebagai Idea Penggaluran Naratif Dalam Novel Berunsur Sejarah Tun Tuah". *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, Vol. 11(2): 97-107.
- Mohd. Taib Osman. (2011). *Kesusasteraan dan Fungsi Sosialnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (1999). *Karya Sastera dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Nisah Haron. (2010). *Sastera Generasi 1990-an: Pemikiran dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilmiah.
- Norfazila Aron (2020). "Aspek Pemikiran Kreatif Dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Ginkgo Karya Jasni Mat Lani". *International Journal Of Humanities, Philosophy And Languages*, 3(11): 32-44.
- Rahimah Haji A. Hamid. (2012). *Kreativiti dalam Penghasilan Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Sahlan Mohd. Saman. (2005). *Sastera dan Kehidupan Manusia*. Kuala Lumpur: Pustaka Nasional.
- Shannon Ahmad. (1991). *Sastera dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2014). *Intertekstualiti dalam Novel S.Othman Kelantan` Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2023). *Intertekstualiti dalam Novel S.Othman Kelantan*. Bachok: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.